KPKT

# KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

# GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT (CENTRALISED LABOUR QUARTERS - CLQ)

**Bahagian Penyelidikan & Pembangunan**
**PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)**

SCAN QR CODE UNTUK SLIDE PEMBENTANGAN

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JPPBT) BIL. 1/2021 ZON SELATAN**

# TUJUAN



**Memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) dengan cadangan pelaksanaan:**

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT (CENTRALISED LABOUR QUARTERS - CLQ)

# ISU









1. Tempat yang kotor dan penularan wabak penyakit.

2. Keperluan asas air bersih, kumbahan dan tempat tinggal tidak sempurna.

3. Ketiadaan kemudahan sokongan (tandas, surau, tempat mandi, tempat makan, basuh baju, tempat pembuangan sampah).

4. Tempat tinggal tidak selamat dan boleh menyebabkan risiko kemalangan.

# LATAR BELAKANG



1. Penginapan pekerja yang berkualiti dan selesa juga merupakan salah satu ketetapan yang telah dikenal pasti oleh **International Labour Organization (ILO) di bawah Discrimination (Employment and Occupation) Convention, 1958 (No. 111).** Malaysia merupakan negara anggota ILO sejak tahun 1957.

2. Penyediaan penginapan pekerja yang kondusif ini juga selaras dengan **Sustainable Development Goals (SDGs) Eight (8) : Decent Work and Economic Growth,** di bawah perkara 8.8 iaitu :

*“Protect labour rights and promote safe and secure working environments of all workers, including migrant workers, particularly women migrants, and those in precarious employment”*






# PANDUAN PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA

## ▪ JANGKA PENDEK

(i) **PROSEDUR PERMOHONAN BAGI PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK** telah diluluskan di MNKT Ke-77 yang bersidang pada 2 Mac 2021 meliputi **enam (6) alternatif cadangan penginapan pekerja** bagi tempoh tiga (3) tahun (2021-2023).

(ii) Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT telah menyediakan **PROSEDUR PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BANGUNAN BAGI RUMAH PEKERJA DI DALAM TAPAK BINA** dan telah diluluskan di mesyuarat JPP KPKT.







## ▪ JANGKA PANJANG

(i) **GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT (CENTRALISED LABOUR QUARTES – CLQ)** telah diluluskan di MNKT Ke-78 yang bersidang pada 13 Julai 2021 yang merangkumi **dua (2) kaedah pembangunan.**



# PERUNTUKAN PERUNDANGAN DAN PERATURAN SEMASA



Seksyen 24H, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Pindaan), 2019 (Akta 446).

Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172).

Seksyen 79, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).

Seksyen 115, Seksyen 116, Seksyen 117 dan Seksyen 120, Kanun Tanah Negara, 1965.

Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133).

Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, UKBS, 1984.


















## AKTA 446 DAN PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 2020

| BIL | PERKARA | DORMITORI | SELAIN DORMITORI (BEDSITTER) |
|---|---|---|---|
| 1 | **Ruang tidur** | **3.0m$^2$: setiap pekerja** | **3.6m$^2$: setiap pekerja** |
| 2 | **Tandas** | **1 tandas dan bilik air : 15 pekerja (bilik air dan tandas boleh bersekali atau berasingan)** | **1 tandas dan bilik air : 6 pekerja (bilik air dan tandas boleh bersekali atau berasingan)** |
| 3 | **Kemudahan asas yang tidak boleh dikongsi** | (i) Katil bujang tidak kurang 1.7m$^2$ / Katil jenis 2 tingkat dengan jarak ruang 0.7m$^2$ ;<br>(ii) Tilam tidak kurang 4 inci (10.2 cm) tebal;<br>(iii) Bantal;<br>(iv) Selimut; dan<br>(v) Almari berkunci bersaiz tidak kurang daripada 0.35m panjang x 0.35m lebar x 0.9m tinggi. | |
| 4 | Bekalan air dan elektrik | Memastikan terdapatnya bekalan air dan elektrik dalam penginapan/asrama pekerja | |
| 5 | Kemudahan asas yang lain | (i) Satu ruang rehat;<br>(ii) Satu ruang makan dengan kerusi dan meja satu ruang dapur;<br>(iii) Kipas bagi setiap ruang rehat, makan dan bilik tidur;<br>(iv) Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, biik tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas;<br>(v) Ruang menyidai pakaian;<br>(vi) Satu alat pertolongan cemas; dan<br>(vii) Tong sampah. | |


GARIS PANDUAN PERANCANGAN
PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT
(*CENTRALISED LABOUR QUARTERS* - CLQ)

KPKT

# DEFINISI CLQ

JPPBT 1/2021







**DEFINISI CLQ : Kemudahan tempat tinggal pekerja secara berpusat atau berkelompok (pekerja asing dan tempatan)** di sesuatu **kawasan atau bangunan khas kekal/separa kekal** yang **dilengkapi pelbagai kemudahan dan kelengkapan** untuk keselesaan penghuni.

**(i)** **Kaedah pembangunan :** Dibangunkan **pemaju/majikan/pengendali penginapan dan sesuai untuk semua sektor pekerjaan.**

**(ii)** **Kaedah Pengurusan : Diuruskan sendiri pihak majikan** atau **melalui penyedia perkhidmatan** (***Service Provider)***.

**(iii)** **Kos Sewaan :** Pihak majikan atau pemaju penginapan pekerja boleh mengenakan kos sewaan (bergantung kepada kesediaan kemudahan ditawarkan).

# 2 ALTERNATIF CLQ



## ALTERNATIF 1 (A1)
## CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BAHARU



## ALTERNATIF 2 (A2)
## CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN *BROWNFIELD*



# ALTERNATIF 1

## CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BAHARU



# ALTERNATIF 1 : CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BAHARU



## ▪ ASPEK 1 : KAWALAN PERANCANGAN

i. **KEBENARAN MERANCANG** – Kelulusan KM bagi CLQ bangunan kekal dan KM tempoh terhad bagi CLQ bangunan separa kekal.

ii. **ZON GUNA TANAH** - Dibenarkan di dalam zon guna tanah **perindustrian, perniagaan, perumahan** dan **pertanian (merujuk RT/RKK yang telah diwartakan dan tertakluk syarat teknikal).**

iii. **KOMPONEN PEMBANGUNAN** - Cadangan pembangunan boleh melibatkan **keseluruhan atau sebahagian tapak/plot tanah.**

iv. **ZON GUNA TANAH PERTANIAN (syarat nyata tanah pertanian)** - Pembinaan CLQ bagi menyokong aktiviti pertanian/peladangan sahaja dibenarkan dengan syarat tidak melebihi 1/5 dari keluasan tanah atau maksimum 2 hektar (permohonan Permit Khas PBN tidak diperlukan) – Sek.115(4), KTN 1965.

v. **PERANAN PBT - mengenal pasti tapak cadangan CLQ** di dalam RT (dimasukkan di dalam *Use Class Order* – penggantian/pengubahan RT).

vi. **PROSEDUR PEMBANGUNAN TANAH** - Perlu mendapatkan kelulusan tukar kategori atau syarat nyata tanah di bawah KTN.

# ALTERNATIF 1 : CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BAHARU

KPKT

JPPBT 1/2021

## ▪ ASPEK 2 : KAWALAN DALAMAN

i. **BENTUK PENGINAPAN -** secara dormitori atau *bedsitter.*

ii. **KAPASITI/KEPADATAN TAMPUNGAN PEKERJA** - tertakluk keluasan unit/ruang bangunan dan peraturan bawah Akta 446 iaitu **3.0 meter persegi bagi dormitori dan 3.6 meter persegi bagi *bedsitter.***

## ▪ ASPEK 3 : OPERASI DAN PENGURUSAN

i. Digalak menyediakan **pengangkutan khas** untuk menghantar dan mengambil pekerja.

ii. Mematuhi **prosedur dan arahan KKM** dari masa ke semasa sekiranya melibatkan kesihatan dan wabak penyakit.

iii. Menyediakan '***house rules'*** kepada pekerja yang menginap, bagi mengawal waktu pergerakan keluar – masuk, mengenakan peraturan-peraturan penginapan dan mengelakkan berlakunya kacau ganggu di kawasan kejiranan sedia ada.

| PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|
| **(i) NISBAH PLOT**<br>**(ii) KAWASAN PLINTH**<br>**(iii) KETINGGIAN BANGUNAN**<br>**(iv) ANJAKAN BANGUNAN** | Tertakluk kepada RT/ RKK yang diwartakan. |
| **KETINGGIAN LANTAI KE SILING** | Mematuhi syarat di bawah Seksyen 44, UKBS, 1984/UKBS (WPKL),1985 – sekurang-kurangnya 2.5 meter (Ruang Tamu dan Bilik). |
| **ZON PENAMPAN** | • **Bagi industri ringan -** zon penampan akan ditentukan oleh PBT (Minimum 30m)<br>• **Bagi industry serdehana yang mempunyai EIA** - zon penampan akan diambil kira dan ditentukan dalam EIA.<br>• **Bagi industri sederhana yang tiada EIA** - Perlu merujuk kepada **Guidelines for Siting and Zoning of Industry and Residential Areas (SZIRA), 2012** dan **Environmental Essentials for Siting of Industries in Malaysia (EESIM), 2017** yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar (minimum 150 meter).<br>• Penentuan jarak zon penampan adalah secara 'case by case' mengikut keadaan tapak dengan penilaian terhadap aspek risiko kesihatan dan keselamatan kepada penghuni.) |
| **TEMPAT LETAK KENDERAAN (BAGI KAKITANGAN PENGURUSAN DAN PELAWAT SAHAJA) - MINIMUM** | • **TL Kereta : 2%** daripada bilangan penghuni untuk keperluan kakitangan pengurusan<br>• **TL Kereta pelawat : 1%** daripada bilangan penghuni<br>• **TL Motorsikal : 5%** daripada bilangan penghuni untuk keperluan kakitangan pengurusan<br>• **TL Basikal : 10%** daripada jumlah penghuni<br>• **Tempat Letak Bas:** Mengikut kesesuaian dan keperluan ***(Lay-by)***<br>• **TL Kenderaan OKU** perlu disediakan merujuk kepada GPP TLK yang disediakan di peringkat negeri |
| **SISTEM SIRKULASI JALAN RAYA** | • Akses keluar dan masuk khusus perlu disediakan<br>• Menyediakan **akses keluar masuk tambahan** bagi memenuhi keperluan kecemasan<br>• Penyediaan **ruang *lay-by*** bagi *pick up zone* dan *drop zone* pekerja |
| ***PERIMETER PLANTING*** | • Penyediaan ***perimeter planting* digalakkan**. Mengikut kesesuaian dan tertakluk kepada PBT/BOMBA. Minima 6.096 meter *clear way* (tanpa sebarang halangan) perlu disediakan untuk memudahkan laluan kenderaan JBPM dan kerja-kerja menyelamat semasa kejadian dan mematuhi UKBS.<br>• Dirujuk bersama dengan **GPP Tanah Lapang dan Rekreasi** (PLANMalaysia, 2021). |

# PANDUAN PIAWAIAN CLQ KAWASAN BAHARU



| PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|
| **KEMUDAHAN ASAS YANG DIKONGSI BERSAMA (Tertakluk Kepada Penentuan Bilangan Unit dan Saiz Keluasan Tertentu)** | (see table below) |

| Bil | KEMUDAHAN | Perlu Disediakan | Pilihan (Best Practice) | Saiz |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Surau / tempat ibadat (*multi religion prayer room*) | ✓ | | Mengikut kesesuaian tapak/skala pembangunan & kapasiti tampungan penghuni |
| 2 | Ruang dapur memasak | ✓ | | |
| 3 | Ruang makan | ✓ | | |
| 4 | Ruang membasuh dan menyidai | ✓ | | |
| 5 | Bilik sakit/kuarantin | ✓ | | |
| 6 | Pejabat pengurusan | ✓ | | |
| 7 | Dewan serbaguna/ Ruang berkumpul | | ✓ | |
| 8 | Kedai runcit (keperluan asas)/ dobi/ gunting rambut | | ✓ | |
| 9 | Klinik | | ✓ | |
| 10 | Kemudahan penghantaran wang/ATM | | ✓ | |

**KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR**

- Bekalan air
- Bekalan elektrik
- Sistem pembuangan sisa pepejal yang teratur
- Sistem pembentungan





**KEMUDAHAN REKREASI (*Best Practice* - Penyediaan Adalah Tertakluk Kepada Kesesuaian dan Saiz Tapak)**

- Gelangang futsal
- Gelanggang badminton
- Gelanggang bola tampar
- Bilik rekreasi (TV, Gimnasium, Karom, *Dart* dan Ping Pong)

# PANDUAN PIAWAIAN CLQ KAWASAN BAHARU



| PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|
| **KEMUDAHAN KESELAMATAN** | (see table below) |
| **KAWALAN DALAMAN** | Mematuhi **Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020.** |

**KEMUDAHAN KESELAMATAN**

| Bil | KEMUDAHAN | Perlu Disediakan | Pilihan (Best Practice) |
|---|---|---|---|
| 1 | Pondok kawalan keselamatan (saiz mengikut kesesuaian tapak) | ✓ | |
| 2 | *Parameter fencing* (berpagar) | ✓ | |
| 3 | Rondaan dalaman oleh pengawal keselamatan | ✓ | |
| 4 | Blok asrama penginapan lelaki dan wanita perlu diasingkan (digalakkan juga pengasingan mengikut negara asal) | ✓ | |
| 5 | Keperluan minimum keselamatan spesifikasi bangunan oleh Jabatan BOMBA | ✓ | |
| 6 | Alat penggera keselamatan dan lampu kecemasan jika berlaku kecemasan | ✓ | |
| 7 | CCTV | | ✓ |
| 8 | Penggunaan sistem akses biometrik dan pengecaman muka (*face ID*)/kaedah lain bagi tujuan rekod keluar masuk/ paparan maklumat elektronik | | ✓ |
| 9 | Digalakkan pengangkutan khas untuk menghantar dan mengambil pekerja | | ✓ |



# Contoh CLQ Kawasan Baharu

ALTERNATIF 1

CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BAHARU





# Contoh Keratan Rentas CLQ

**ALTERNATIF 1**

**CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BAHARU**





# Contoh Pembangunan CLQ (Kaedah Modular Pilihan)




*Sumber : VHL Architects, Vietnam 2020*






KPKT

# Contoh Pembangunan CLQ (KEKAL)



**ALTERNATIF 1**

**CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BAHARU**



*CLQ* ***WESTLITE SENAI II,*** *JOHOR*










# Contoh Pembangunan CLQ (KEKAL)



**ALTERNATIF 1**

**CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BAHARU**










*CLQ*
***WESTLITE TAMPOI***
*JOHOR*





# Contoh Pembangunan CLQ (KEKAL)

**ALTERNATIF 1**

**CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BAHARU**





***CLQ, JOHOR TECHNOLOGY PARK, SENAI JOHOR***



***CLQ JALAN PAPAN, SINGAPORE (7,000 PEKERJA)***

***CLQ WESTLITE WOODLANDS SINGAPORE***



KPKT

# Contoh Pembangunan CLQ (KEKAL)

JPPBT 1/2021

**ALTERNATIF 1**

**CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BAHARU**





***CLQ BUKIT BATOK SINGAPORE***

***CLQ BUKIT MINYAK, PULAU PINANG***



- **JENIS: *BEDSITTER***
- **LUAS: 4.42 EKAR**
- **UNIT: 700 UNIT KEDIAMAN**
- **TAMPUNGAN: 6,600 ORANG**
- **PELBAGAI KEMUDAHAN**



# Contoh Pembangunan CLQ (SEPARA KEKAL)







***CLQ MRT Sg. Buloh, Selangor***

***CLQ RAPID Project***







KPKT

# Contoh Pembangunan CLQ (SEPARA KEKAL)

**JPPBT 1/2021**





***CLQ Tanjung Bin, Pontian Power Plant***







# Contoh Pembangunan CLQ (SEPARA KEKAL)

JPPBT 1/2021







***CLQ Gamuda Garden Rawang***

***CLQ KLANG VALLEY MRT Project***

# Contoh Pembangunan CLQ (Separa Kekal) Di Kawasan Pertanian







**_CLQ Ladang Teh Sg. Palas, Cameron Highlands_**



# ALTERNATIF 2

## CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN *BROWNFIELD*



# ALTERNATIF 2 : CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BROWNFIELD





**KAWASAN *BROWNFIELD* -** ditakrifkan :

a. **Kawasan pembangunan yang telah siap dibangunkan** tetapi ditinggalkan/terbiar/mempunyai struktur pembangunan yang usang atau kawasan pembangunan yang tidak siap sepenuhnya dan terbengkalai dalam tempoh pelaksanaan pembangunan melebihi 10 tahun / tempoh yang difikirkan wajar oleh PBT; atau

b. **Bangunan yang telah siap tetapi tidak terjual** - tempoh tidak terjual tertakluk kepada PBT.

## ASPEK 1 : KAWALAN PERANCANGAN

i. **KEBENARAN MERANCANG** – kelulusan **KM atau KM (Tempoh Terhad) melalui OSC 3.0 Plus.**

ii. **ZON GUNA TANAH** - dibenarkan di **zon *brownfield* perindustrian, perniagaan dan perumahan mengikut RT/RKK yang diwartakan dan tertakluk dengan syarat kelulusan KM asal.**

iii. **URUSAN DENGAN PEMILIK TANAH BERDAFTAR DAN PEMAJU KAWASAN *BROWNFIELD*** - perlu diselesaikan melalui kaedah perjanjian atau kaedah lain (kelulusan KM dan Pelan Bangunan asal adalah melibatkan pemaju dan pemilik tanah sedia ada).

# ALTERNATIF 2 : CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN BROWNFIELD

KPKT

JPPBT 1/2021

iv. **BANGUNAN YANG TERBENGKALAI (MEMERLUKAN PEMBAIKAN SEMULA)** - Pemaju/pengendali penginapan perlu **mematuhi kelulusan KM dan Pelan Bangunan asal dan perlu mendapatkan CCC.**

v. **BANGUNAN SEDIA ADA (TELAH MENDAPAT CCC) YANG MELIBATKAN PENGUBAH SUAIAN DALAMAN ATAU LUARAN** - perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau ubah suai bangunan (mana-mana berkaitan) daripada PBT mengikut Akta 133 dan perlu mendapatkan ulasan BOMBA.

vi. **KELULUSAN PERMIT KHAS DARIPADA PBN -** bagi kebenaran penggunaan tanah yang lain dari syarat nyata yang ditetapkan atas tanah di bawah KTN 1965.

## ▪ ASPEK 2 : KAWALAN DALAMAN

**KAPASITI/KEPADATAN TAMPUNGAN PEKERJA** - tertakluk keluasan unit/ruang bangunan dan peraturan bawah Akta 446 iaitu **3.0 meter persegi bagi dormitori dan 3.6 meter persegi bagi *bedsitter.***

| PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|
| **SUSUN ATUR/ KOMPONEN** | Mengikut kelulusan **KM dan Pelan Bangunan yang asal**<br>(Sekiranya terdapat pindaan, perlu kemukakan pindaan KM). |
| **(i) NISBAH PLOT**<br>**(ii) KAWASAN PLINTH**<br>**(iii) KETINGGIAN BANGUNAN**<br>**(iv) ANJAKAN BANGUNAN** | Mengikut kelulusan **KM dan Pelan Bangunan yang asal**<br>(Sekiranya terdapat pindaan, perlu kemukakan pindaan KM dan Pelan Bangunan). |
| **ZON PENAMPAN** | Bagi bangunan perindustrian brownfield - penyediaan **zon penampan tertakluk kepada Jabatan Alam Sekitar** dan bergantung kesesuaian tapak serta kawasan sekitar. |
| **TEMPAT LETAK KENDERAAN (BAGI KAKITANGAN PENGURUSAN DAN PELAWAT SAHAJA) - MINIMA** | • **TL Kereta : 2%** daripada bilangan penghuni untuk keperluan kakitangan pengurusan<br>• **TL Kereta pelawat: 1%** daripada bilangan penghuni<br>• **TL Motorsikal : 5%** daripada bilangan penghuni untuk keperluan kakitangan pengurusan<br>• **TL Basikal : 10%** daripada jumlah penghuni<br>• **Tempat Letak Bas**: Mengikut kesesuaian dan keperluan - ***Lay-by*** *(*TL Kenderaan OKU perlu merujuk kepada GPP TLK yang disediakan di peringkat negeri dan tertakluk kepada kelulusan KM asal dan kesediaan tapak) |
| **SISTEM SIRKULASI JALAN RAYA** | • **Akses keluar dan masuk khusus** perlu disediakan<br>• Menyediakan **akses keluar masuk tambahan** bagi memenuhi keperluan kecemasan<br>• Penyediaan ruang ***lay-by*** bagi *pick up zone* dan *drop zone* pekerja<br>(Tertakluk kepada kelulusan KM asal dan kesediaan tapak) |

# PANDUAN PIAWAIAN CLQ KAWASAN BROWNFIELD

JPPBT 1/2021

| PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|
| **KEMUDAHAN ASAS YANG DIKONGSI BERSAMA (Tertakluk Kepada Bilangan Unit dan Saiz Keluasan Tertentu)** | (lihat jadual di bawah) |
| **KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR** | • Bekalan air<br>• Bekalan elektrik<br>• Sistem pembuangan sisa pepejal yang teratur<br>• Sistem pembentungan |
| **KEMUDAHAN REKREASI *(Best Practice)*** | Digalakkan **penyediaan kemudahan rekreasi dan sukan sekiranya didapati bersesuaian** dengan keadaan tapak/kawasan *brownfield* tersebut (Penyediaan bilik *indoor game* adalah alternatif pilihan). |

**KEMUDAHAN ASAS YANG DIKONGSI BERSAMA**

| Bil | KEMUDAHAN | Perlu Disediakan | Pilihan (Best Practice) | Saiz |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Surau / tempat ibadat (multi religion prayer room) | ✓ | | Mengikut kesesuaian tapak/ skala pembangunan dan kapasiti tampungan penghuni |
| 2 | Ruang dapur memasak | ✓ | | |
| 3 | Ruang makan | ✓ | | |
| 4 | Ruang membasuh dan menyidai | ✓ | | |
| 5 | Bilik sakit/kuarantin | ✓ | | |
| 6 | Pejabat pengurusan | ✓ | | |
| 7 | Dewan serbaguna/Ruang Berkumpul | | ✓ | |
| 8 | Kedai runcit (keperluan asas)/ dobi/ gunting rambut | | ✓ | |
| 9 | Klinik | | ✓ | |
| 10 | Kemudahan penghantaran wang / ATM | | ✓ | |

| PERKARA | BUTIRAN | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Bil** | **KEMUDAHAN** | **Perlu Disediakan** | **Pilihan (*Best Practice*)** |
| **KEMUDAHAN KESELAMATAN** | 1 | Pondok kawalan keselamatan (saiz mengikut kesesuaian tapak) | ✓ | |
| | 2 | *Parameter fencing* (berpagar) | ✓ | |
| | 3 | Rondaan dalaman oleh pengawal keselamatan | ✓ | |
| | 4 | Blok asrama penginapan lelaki dan wanita perlu diasingkan (digalakkan juga pengasingan mengikut negara asal) | ✓ | |
| | 5 | Keperluan minimum keselamatan spesifikasi bangunan oleh Jabatan BOMBA | ✓ | |
| | 6 | Alat penggera keselamatan dan lampu kecemasan jika berlaku kecemasan | ✓ | |
| | 7 | CCTV | | ✓ |
| | 8 | Penggunaan sistem akses biometrik dan pengecaman muka (*face ID*)/kaedah lain bagi tujuan rekod keluar masuk | | ✓ |
| | 9 | Digalakkan pengangkutan khas untuk menghantar dan mengambil pekerja | | ✓ |
| **KAWALAN DALAMAN** | Mematuhi **Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020.** | | | |

# KAEDAH PENGAMBILAN BLOK BROWNFIELD/ TIDAK TERJUAL BAGI CLQ



ALTERNATIF 2

CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN *BROWNFIELD*





# CONTOH PEMBANGUNAN CLQ DI KAWASAN BROWNFIELD/TIDAK TERJUAL





**ALTERNATIF 2**

**CADANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT DI KAWASAN *BROWNFIELD***






***CLQ DI MANTIN, NEGERI SEMBILAN DI KAWASAN BROWNFIELD***



***CLQ DI PULAU MERANTI, PUCHONG, SELANGOR YANG MENGGUNAKAN KEDIAMAN YANG TIDAK BERPENGHUNI***

# CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT OSC 3.0 PLUS

**JPPBT 1/2021**

KPKT




Sambung..







**Perincian permohonan Kebenaran Merancang adalah mengikut Manual OSC 3.0 Plus**

**Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) dimohon mengambil maklum dengan cadangan pelaksanaan:**

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT (CENTRALISED LABOUR QUARTERS - CLQ)

KPKT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

# SEKIAN
# TERIMA KASIH